

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR**  
**BIL. 1/2002**

---

**PENETAPAN PERATUS (%) KUOTA JUALAN  
BANGUNAN KEDIAMAN KEPADA BUMIPUTERA BAGI TUJUAN  
PEMBERIMILIKAN DAN TUKAR SYARAT TANAH**

---

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai keputusan YAB. Dato' Menteri Besar supaya dibuat kajian semula kesesuaian penggenaan kuota jualan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sebanyak 70% kepada bumiputera pada masa kini ke atas bangunan kediaman di kawasan melebihi 5 ekar.

2. YAB. Dato' Menteri Besar dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Perumahan bilangan 2 tahun 2002 pada 22 Januari memaklumkan bahawa penduduk bumiputera Malaysia pada masa kini di sekitar 66%. Sekiranya peratus kuota yang dikenakan adalah lebih tinggi daripada peratus penduduk itu sendiri, maka akan timbul masalah kuota bumiputera tidak dapat dijual oleh pemaju atau pemilik tanah. Seterusnya pemaju atau pemilik tanah akan membuat rayuan untuk meminda kuota tersebut. Sehubungan itu YAB. Dato' Menteri Besar meminta supaya peratus kuota jualan yang dikenakan hendaklah mengikut komposisi kaum penduduk tempatan dalam daerah berkaitan. Kaedah pendekatan ini menjadikan syarat-syarat yang dikenakan lebih tepat dan praktikal.

3. Sehubungan itu Pentadbir Tanah dikehendaki membuat syor peratus kuota jualan kepada bumiputera di Kertas Ringkasan kepada MMKN atau YAB Dato' Menteri Besar atau Pengarah Tanah dan Galian untuk tujuan pemberimilikan dan tukar syarat tanah supaya peratus yang diberi adalah lebih tepat dan dapat memberi gambaran sebenar komposisi kaum di kawasan-kawasan yang dipohon.

4. Arahan ini adalah **berkuatkuasa serta merta.**

5. Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta mematuhi keputusan yang telah ditetapkan YAB. Dato' Menteri Besar.

T.T.  
**(Dato' Asaha @ Ishak Abong)**  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Selangor.

Fail : (5)dlm.PTGS/CR 02/00/2000

Tarikh : 29 Januari 2002